

WASIAT YANG BERTHARGA

-----*-----*-----

“Janganlah kamu merasa hina dan janganlah kamu

berduka cita; kamulah yang lebih mulia jika sebenarnya kamu orang mukmin” – firman Allah.

-----*-----*-----

“Jika kamu menolong (agama) Allah maka Allah akan menolong

kamu dan menetapkan pendirian kamu” – firman Allah

-----*-----*-----

Akalmu itu hendaklah di bawah agamamu, perkataanmu di bawah pekerjaanmu dan pakaianmu di bawah darjatmu – kata Hukama.

-----*-----*-----

“Katakanlah! Kebenaran itu datangnya daripada Tuhanmu.

Barangsiapa yang suka berimanlah ia dan barangsiapa yang tak suka kufurlah ia” – firman Allah

-----*-----*-----

Banyak manusia masih menyangka bahawa tidur di atas tilam yang tebal dan beralas kain sutera itu akan hidup selama-lamanya tetapi bagi yang mempercayakan tauhid dan keredhaan Allah kematian itu menjadi kecintaan di dalam menunaikan tuntutan agama Allah, sebab kepadanya syurga yang berkekalan di dalamnya telah dijanjikan Allah – kata Arif

-----*-----*-----

Orang Islam rupanya takut mati padahal mereka akan terdrong kepada maut dengan tidak disedarinya. Di dalam kematian yang mereka takuti itu ada kemuliaan; dan di dalam mati yang tidak disadari itu ada kehinaan – kata Amir Syakib Arsalan.

-----*-----*-----

Kalau engkau tidak mahu derhaka kepada hawa nafsu nescaya engkau derhaka kepada Tuhanmu – Muslim

-----*-----*-----

Seorang bertanya kepada Rasulullah (SAW): “Manakah jihad yang terlebih baik?” Sabda Rasulullah (SAW): “Perkataan yang benar kepada raja yang zalim”. – al-Hadis

-----*-----*-----

Sesungguhnya seseorang itu tidak berputus asa daripada rahmat Allah melainkan kaum yang kafir – al-Quran

-----*-----*-----

Aku pesan kepadamu bahawa hendalah engkau takut kepada Allah pada tentang urusan manusia, tetapi jangan engkau takut kepada manusia pada tentang urusan Allah – Umar bin al-Khattab

-----*-----*-----

(sambungan daripada muka 4)

itu adalah lebih memberi kesan dan lebih mengamankan kepada keselamatan daripada melakukan pembalasan-pembalasan yang senghaja dicari-cari untuk menyatakan sebagai suatu balasan.

Ingatlah atas perkara umum yang terjadi di dalam perang Uhud (Uhud) bagaimana Saidina Hamzah telah dicincang dan digigit hatinya oleh orang-orang Quraisy dan bagaimana kekejaman-kekejaman yang dilakukan kepada sahabat-sahabat Rasulullah (SAW) tetapi apabila Rasulullah menakluk bandar Mekah maka Rasulullah menegah jangan melakukan pembalasan-pembalasan, lalu baginda memaafkan apa yang sudah berlaku itu kerana yang telah berlaku itu tak dapat ditarik atau diulang semula – apa yang akan datang itulah yang mesti dihadapi. Memaafkan itu adalah menjadi kemuliaan yang sangat tinggi kepada umat Islam yang diakui oleh tawarikh dunia.

Keadilan dan keamanan tidak akan terdiri selagi pemegang-pemegang keadilan dan keamanan itu berpegang kepada hawa nafsu dan hasrat diri, tidak berpegang kepada hukum-hukum keadilan yang ditaja oleh Allah. Takutlah kamu kepada Allah kepada balasan-balasannya oleh kerana kamu tidak mengikut ajaran-ajaran dan perintah Allah adanya.